

19 OCT 2001

Mindanao-Tanggung

RUNDINGAN K'JAAN FILIPINA DAN MILF DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Rundingan keamanan ketiga antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) hari ini tertangguh kerana pertikaian berhubung siapa seharusnya menguruskan peruntukan bagi projek-projek pembangunan di bawah Perjanjian Keamanan Tripoli, kata ketua Perunding MILF Murad Ebrahim.

Beliau berkata, kerajaan Filipina dan perunding MILF masing-masing mempunyai tafsiran sendiri mengenai bagaimana untuk menggunakan wang yang akan diperuntukan bagi membangunkan kawasan-kawasan konflik di Mindanao.

"Kerajaan Filipina bertegas yang projek yang dibiayai oleh kerajaan harus diuruskan oleh kerajaan sementara MILF berkata ia sepatutnya diuruskan oleh mereka," kata beliau kepada Bernama selepas menemui Ketua Perunding Kerajaan Filipina Jesus G. Dureza di hari kedua mesyuarat peringkat pegawai-pegawai kanan kedua-dua pihak.

Semalam, kerajaan Filipina dan MILF dalam satu mesyuarat tertutup menandatangani satu perjanjian akan manual bagi menamatkan keganasan di Mindanao.

Perjanjian yang diusahakan oleh Malaysia itu membuka laluan bagi penubuhan pasukan-pasukan pemantau tempatan, yang terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan dan juga MILF dan para pegawai kerajaan untuk memantau gencatan senjata yang dicapai.

Kerajaan Filipina dan MILF menjalankan rundingan di sini sejak Isnin lepas untuk aspek-aspek teknikal perjanjian keamanan itu yang dicapai oleh kerajaan Filipina dan MILF awal tahun ini.

Kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian gencatan senjata di Malaysia dua bulan lepas, disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo untuk menamatkan konflik di selatan Filipina yang menyebabkan lebih 120,000 orang terbunuh.

Murad berkata kedua-dua pihak memerlukan rundingan lanjut mengenai tafsiran terhadap peruntukan itu dan memutuskan untuk menyambung semula rundingan lewat malam ini sebelum mesyuarat itu berakhir esok.

Ditanya sama ada beliau yakin yang kata sepakat boleh dicapai dan perjanjian mengenai pemulihan dan pembangunan kawasan-kawasan konflik dapat ditandatangani esok, beliau berkata "sekurang-kurangnya kita boleh mencapai perjanjian awal".

Bagaimanapun, Ketua Perunding Filipina, Jesus G. Dureza menafikan berlaku kelewatan tetapi berkata kedua-dua pihak masih perlu menyelesaikan beberapa isu asas mengenai hal itu sebelum perjanjian boleh ditandatangani.

Sebelum itu, kedua-dua pihak telah menyatakan keyakinan yang perjanjian mengenai aspek pemulihan dan pembangunan kawasan konflik di Mindanao dan kemungkinan hak wilayah Islam dikembalikan pada hari terakhir perjanjian keamanan.

-- BERNAMA

AT AKT PR